

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ
[PASIR MAS - PAS]**

SOALAN (NO. 344)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah bagi memperkenalkan pemakaian patuh syariah dikalangan atlet yang beragama Islam.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang menyediakan "Garis Panduan Ibadah Atlet Prestasi Tinggi" yang turut merangkumi garis panduan pemakaian sukan bagi atlet beragama Islam.
2. Walau bagaimanapun, garis panduan berkenaan hanya sebagai panduan dan rujukan kepada atlet-atlet negara dan tidak diwajibkan untuk mematuhi kerana setiap sukan perlu mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan pakaian pertandingan yang telah digariskan oleh persekutuan sukan antarabangsa mengikut sukan masing-masing.

Sekian, terima kasih.